

TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 10 (2017): 151–185

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih: Potensi Pelaksanaan di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi

Asiah Kamal*

asiahkamal510@gmail.com

Azizi Che Seman**

azizi@um.edu.my

Abstract

This article discusses several potential waqf instruments in higher education. It examines the potential financing instruments of higher education in using waqf instruments in the development of waqf at the State Islamic Religious Council (MAIN). This study was conducted by interviewing five Islamic Religious Council (MAIWP), Selangor Wakaf Corporation (PWS), Negeri Sembilan Wakaf Corporation (PWNS), Johor State Islamic Council

* Master's Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. In co-authoring the article, she not only furnished the data and financing model inputs, she also analysed the data, developed the ideas and did the general write-up of the text.

** Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. As its co-author, he provided views on the models constructed, the suitability of the contents and title as well as the general write-up of the text.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

(MAINJ) and Penang State Islamic Religious Council (MAINPP). As commonly known, MAIN is the sole trustee of a waqf estate in the country. Therefore, the instruments that have been implemented in MAIN are more practical for higher education. In addition, the discussions in this article also put forward several proposals to realise waqf instruments in higher education.

Keywords

State Islamic Religious Council (MAIN), Institutions of Higher Education (IPT), waqf instruments.

Pendahuluan

Berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan di lima negeri iaitu melibatkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), terdapat lima (5) instrumen pembiayaan wakaf yang berpotensi pada peringkat pengajian tinggi.

Pertama, pembangunan wakaf secara terus melalui sumbangan orang ramai bagi tujuan wakaf di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kedua, kolaborasi dan kerjasama strategik atau *Joint Venture (JV)* dengan syarikat korporat, swasta atau syarikat berkaitan kerajaan (*Government Linked Company*). Ketiga, penggunaan dana zakat untuk membangunkan tanah wakaf. Keempat, kerjasama antara kerajaan iaitu Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kelima, penggunaan hasil/manfaat wakaf yang telah dibangunkan. Kelima-lima instrumen yang dinyatakan telah diaplikasikan secara dinamik di peringkat MAIN. Oleh itu, instrumen yang sama dapat diaplikasikan dan mempunyai potensi yang

Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

besar untuk dilaksanakan bagi pembiayaan pada peringkat universiti.


Potensi Pembentukan Wakaf Pada Peringkat Pengajian Tinggi

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Berdasarkan kajian lapangan yang telah dijalankan, terdapat instrumen pembentukan wakaf di PWS yang berpotensi dilaksanakan sebagai pembentukan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Instrumen pertama ialah usahasama PWS dan Bank Muamalat yang dinamakan sebagai Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Instrumen ini merupakan kerjasama korporat bersama PWS bagi memudahkan kutipan wakaf tunai/saham wakaf melalui Bank Muamalat. Berdasarkan Rajah 1, terdapat Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) antara pihak Bank dan PWS bagi membincangkan aktiviti dan keputusan secara bersama dalam melaksanakan aktiviti yang melibatkan WSM. Pembahagian jumlah manfaat yang dipersetujui adalah 75 peratus kepada WSM dan 25 peratus kepada PWS. Bagi jumlah peratus manfaat yang diagihkan, ia adalah merupakan jumlah yang diambil daripada hasil yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan dan bukan daripada jumlah pokok yang diwakafkan. Berikut merupakan carta alir pengurusan Wakaf Selangor Muamalat (WSM).

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Rajah 1: Carta Alir Pengurusan Dana Wakaf Selangor Muamalat (WSM)



Sumber: Wakaf Selangor Muamalat, 2015.

Skop pelaksanaan dana wakaf oleh WSM terbahagi kepada tiga iaitu pendidikan, kesihatan dan pelaburan.¹ Bagi skop pendidikan, WSM memberi fokus kepada aspek pembangunan infrastruktur Sekolah Ma’ahad Tahfiz dan makmal serta pembelian alatan dan kelengkapan sekolah.² Berdasarkan Jadual 1, manfaat wakaf bagi pembangunan pendidikan yang telah diberikan oleh WSM merupakan pendidikan di peringkat sekolah dan belum terdapat pembiayaan pendidikan yang melibatkan peringkat pengajian tinggi. Namun begitu, instrumen yang sama telah dilaksanakan di WSM dan ia berpotensi untuk dilaksanakan di peringkat

1. Wakaf Selangor Muamalat, “Wakaf,” laman sesawang Bank Muamalat, <http://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/Wakaf-Selangor-Muamalat-presentatio-slides.pdf>. (Dicapai pada 21 November 2015).
2. Ibid.

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

pengajian tinggi jika terdapat usaha sama di antara Universiti dan Bank Muamalat.

Jadual 1: Manfaat Wakaf bagi Pembiayaan Pendidikan oleh Wakaf Selangor Muamalat (WSM)

Bil.	Perkara	Jumlah RM	Tarikh
1	Peralatan Asrama Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Ulumuddin, Sg Besar	43,100.00	Okt. 2012–Mac 2013
2	Peralatan Asrama Maahad Tahfiz Darul Quran Wa Ulumuddin, Sg Besar (Pembayaran sebahagian peralatan asrama : 20 buah katil ‘2 tingkat’, 100 buah tilam dan 50 buah almari).	32,240.00	Apr.–Jun 2013
3	Peralatan Asrama Maahad Tahfiz Al-Quran Wa Ulumuddin, Sg Besar / SRII As-Syakirin, Bangi	10,860.00	15/5/2014
4	250 buah Al-Quran dan 250 buah Buku Iqra’ Sek.Ren. Agama Kg Perepat, Klang	2,650.00	16/5/2014
5	1 LCD projector & Layar Sek. Keb. Manggol Bongor, Kodiang	4,500.00	19/5/2014
6	Sebuah van Institusi Latihan Ilmuan Al-Quran-Persatuan Institusi Al-Quran Negeri Selangor (ILIQ-PITAS)	78,254.38	11/6/2014

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

(samb.) Jadual 1: Manfaat Wakaf bagi Pembiayaan Pendidikan oleh Wakaf Selangor Muamalat (WSM)

Bil.	Perkara	Jumlah RM	Tarikh
7	Kos pembinaan 1 bilik darjah & kelengkapan 5 bilik darjah Sekolah Rendah Islam Al-Huda (SERI AL-HUDA)	498,000.00	20/6/2014
8	Sumbangan sebuah van kepada Madrasah Uthmaniah ABIM	79,654.38	9/10/2014
9	Sumbangan sebuah bilik darjah dan perabot kepada SRA Darus Saadah Ijok	95,400.00	15/12/2014
10	Sumbangan sebuah troli mandi untuk Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu	15,160.00	30/03/2015
11	10% bayaran pertama kepada pembelian 4 unit lot kedai borong Gamuda GM Klang	126,781.30	29/06/2015
12	Tuntutan bank untuk bayaran deposit air bagi bangunan Tanah Merah Bandar Humaira	1,019.25	04/06/2015
13	30% bayaran pada Rozel untuk sumbangan kepada Hospital Serdang	5,076.00	11/08/2015
14	Van Ambulan kepada Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu	168,063.00	29/09/2015

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

(samb.) Jadual 1: Manfaat Wakaf bagi Pembiayaan Pendidikan oleh Wakaf Selangor Muamalat (WSM)

Bil.	Perkara	Jumlah RM	Tarikh
15	Hidayah Centre Foundation, Sabah	110,650.00	02/10/2015
16	Pembiayaan 4 lot bangunan di GM Klang	424,239.03	05/10/2015
17	70% baki bayaran kepada Rozel Corp Sdn Bhd bagi sumbangan kerusi recliner di Hospital Serdang	11,844.00	23/11/2015
18	Sumbangan sebuah van sekolah pada MT Sains Alor Star	104,290.02	25/11/2015
19	Pembiayaan 4 lot bangunan di GM Klang	146,276.82	30/12/2015
20	Tuntutan bayaran PWS berkenaan dengan pembayaran pada SRI Al-Ummah Manjung	65,040.00	30/12/2015

Sumber: Laporan Wakaf Selangor Muamalat, 2015³

Instrumen kedua, pembiayaan wakaf di PWS ialah Saham Wakaf Selangor. Antara fokus utama Saham Wakaf Selangor ialah pendidikan, kesihatan, premis perniagaan, perumahan, pengangkutan dan tempat ibadah seperti surau dan masjid. Pembiayaan berdasarkan pendidikan dapat dilihat

3. Majlis Agama Islam Negeri Wakaf Selangor, "Laporan Tahunan," laman sesawang *Wakaf Selangor Muamalat*, <http://www.wakafselangor.muamalat.com.my/Laporan-Wakaf.html>. (Dicapai pada 31 Oktober 2015).

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

seperti dalam Jadual 2 pembiayaan wakaf bagi pendidikan melalui saham wakaf Selangor.

Jadual 2: Pembiayaan Wakaf bagi Pendidikan melalui Saham Wakaf Selangor

Bil.	Projek	Nilai RM	Status
PENDIDIKAN			
1	Perpustakaan wakaf MAIS, Wisma MAIS, Shah Alam	350,000.00	Pembangunan yang telah dilaksanakan
2	Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Klang	2 Juta	Pembangunan yang telah dilaksanakan
3	Pembinaan bilik darjah dan kelengkapan pembelajaran agama Darus Sa'adah Ijok, Selangor	95,400.00	Pembangunan yang telah dilaksanakan
4	Maahad Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat	25 Juta	Pembangunan yang sedang dilaksanakan
5	Wakaf Ilmi-Kerjasama antara PWS dengan institusi-institusi pengajian tinggi	-	Kerjasama yang sedang dilaksanakan

Sumber: Abu Bakar Bin Yang, “Pembangunan Wakaf” *Seminar Wakaf Antarabangsa*, 2014.

Instrumen ketiga, di peringkat pengajian tinggi juga terdapat instrumen pembiayaan wakaf dengan usaha sama yang sedang dilakukan oleh pihak PWS dengan universiti iaitu

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Wakaf Ilmi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh En. Mohd Shafiq Khusaini dalam temu bual, wakaf ilmi merupakan wakaf yang berkaitan dengan universiti.⁴ Antara kerjasama yang sedang dilakukan antara PWS dengan institusi-institusi pengajian tinggi bagi Wakaf Ilmi ialah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor (KUIS).⁵

Kesimpulannya, terdapat tiga instrumen pembiayaan pengajian tinggi yang berpotensi menggunakan instrumen wakaf berdasarkan instrumen sedia ada di PWS iaitu yang pertama ialah usaha sama Bank Muamalat dan PWS yang dikenali sebagai WSM. Kedua, Saham Wakaf Selangor iaitu sumbangan orang ramai secara terus dengan fokus pelaksanaan merangkumi pendidikan. Bagi kedua-dua instrumen tersebut, pelaksanaan wakaf masih di peringkat sekolah, belum meluas ke peringkat pengajian tinggi. Manakala instrumen ketiga ialah Wakaf Ilmi iaitu usahasama yang sedang dijalankan di antara universiti dan PWS. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, bagi instrumen ketiga masih lagi di peringkat perbincangan di antara pihak universiti dan pihak PWS.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), terdapat potensi untuk mengaplikasikan beberapa instrumen berdasarkan pendekatan wakaf yang dilaksanakan MAIWP di peringkat pengajian tinggi. Instrumen yang pertama, wakaf korporat yang telah berjaya dilaksanakan di MAIWP adalah pembangunan Imarah Wakaf MAIWP melalui perkongsian pintar MAIWP bersama Lembaga Tabung Haji, TH Properties dan Bank Islam. Projek pembiayaan ini sesuai diaplikasikan dengan model yang sama bagi pembiayaan


-
4. En. Mohd Shafiq Bin Khusaini, Eksekutif Kewangan, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)), dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2015.
 5. Abu Bakar Bin Yang, “Pembangunan Wakaf”, *Seminar Wakaf Antarabangsa*, 2014, 18.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

wakaf pada peringkat pengajian tinggi iaitu pembinaan bangunan di dalam kampus.

Instrumen ini dapat diterangkan berdasarkan Rajah 2 menunjukkan potensi pembiayaan pengajian tinggi menggunakan wakaf berdasarkan adaptasi instrumen wakaf korporat di MAIWP iaitu melibatkan satu perkongsian pintar yang boleh diwujudkan antara MAIN, universiti dan pihak pemaju yang diletakkan sebagai syarikat X. Syarikat X merupakan syarikat pemaju yang bersetuju dengan syarat-syarat dan perjanjian yang ditetapkan oleh pihak universiti. Instrumen ini tidak jauh berbeza daripada model asal wakaf korporat di MAIWP iaitu terdapat kerjasama di antara MAIWP, Bank Islam, Tabung Haji dan TH Properties sebagai syarikat pemaju menggunakan struktur pembiayaan BOT iaitu *Build-Operate-Transfer*. Berdasarkan struktur ini juga, terdapat perjanjian pajakan selama 25 tahun. Pembinaan yang sesuai dan dicadangkan untuk struktur ini bagi universiti adalah seperti pembinaan hotel, bangunan asrama, dewan kuliah, blok-blok pentadbiran dan sebagainya.

Rajah 2: Potensi Pembiayaan Pengajian Tinggi menggunakan Wakaf berdasarkan Instrumen Wakaf Korporat di MAIWP




Sumber diadaptasi daripada MAIWP

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Bagi instrumen kedua ialah projek wakaf Korporat *Maybank Islamic*-MAIWP. Instrumen wakaf korporat *Maybank Islamic*-MAIWP merupakan instrumen hasil usahasama *Maybank Islamic* dengan MAIWP yang diberikan tumpuan kepada pembiayaan pendidikan yang melibatkan pengajian tinggi. Berdasarkan Rajah 3, Wakaf Tunai Korporat *Maybank Islamic* dan MAIWP dapat diterangkan. Pertama, *Maybank Islamic* sebagai wakif yang menyumbangkan sejumlah dana di dalam Dana Wakaf. Kedua, MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal wakaf bertanggungjawab mengawasi dan memantau dana dan aset yang telah didaftarkan. Ketiga, pihak MAIWP melantik semula pihak *Maybank Islamic* untuk menjadi pengurus projek bagi memastikan kemampaman dana Wakaf yang telah diwakafkan. *Maybank Islamic* sebagai pengurus projek berperanan memastikan pertumbuhan dan keberkekalan dana yang telah diwakafkan.⁶

Rajah 3: Wakaf Tunai Korporat *Maybank Islamic*-MAIWP



Sumber: MAIWP

6. Zainal Abidin Bin Jaffar, "Pembangunan Wakaf" Seminar Wakaf Antarabangsa (7-10 Disember 2014), 9.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Bagi instrumen ini, penulis mengekalkan instrumen asal kerana model ini merupakan instrumen yang dirancang untuk pendidikan di peringkat pengajian tinggi oleh MAIWP bersama Maybank. Namun begitu, proses pelaksanaan bagi instrumen ini masih dalam proses perbincangan untuk dilaksanakan.⁷

Berdasarkan kedua-dua instrumen pembiayaan yang terdapat di MAIWP, instrumen pertama iaitu perkongsian pintar antara MAIWP, Bank Islam, TH Properties dan Lembaga Tabung Haji sesuai diaplikasikan di peringkat pengajian tinggi bagi pembiayaan berbentuk pembinaan bangunan seperti pembangunan asrama, hotel dan sebagainya. Manakala instrumen kedua sesuai dilakukan bagi pembiayaan berbentuk biasiswa kepada pelajar yang menggunakan kontrak *qard hasan*.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Di MAINPP, instrumen pembiayaan di MAINPP dapat diringkaskan seperti rajah di bawah. Berdasarkan rajah tersebut, terdapat lima instrumen pembiayaan di MAINPP.

Rajah 4: Instrumen Pembiayaan Wakaf di MAINPP

INSTRUMEN PEMBIAYAAN	AGIHAN HASIL WAKAF
1. Sumbangan wakaf secara terus 2. <i>Joint Venture (JV)</i> 3. Hasil Wakaf 4. Zakat 5. Kerajaan	40% Pelaksanaan amanah - Masjid, NGO 20% Pembangunan masa depan beli bangunan baharu 20% Mutawalli - MAINPP 20% Penyelenggaraan aset - Baiki Bangunan

Sumber: Temu bual MAINPP, 2015.

7. Mohd Azrul Ismail, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dalam temu bual bersama penulis, 19 Jun 2015.

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Instrumen pertama adalah sumbangan wakaf secara terus daripada orang ramai yang dikenali sebagai skim dana wakaf di MAINPP. Instrumen kedua berbentuk *Joint Venture* (JV) atau usahasama MAINPP dengan syarikat swasta atau korporat. Instrumen ini sesuai dilaksanakan melalui pembiayaan pembangunan wakaf di peringkat IPT kerana pihak MAINPP tidak perlu mengeluarkan dana. Instrumen ketiga, dalam bentuk hasil wakaf yang merupakan instrumen berasaskan hasil-hasil wakaf seperti sewaan. Hasil tersebut boleh diberikan mengikut keperluan di universiti seperti pemberian secara geran bagi penyelidikan, biasiswa dan sebagainya. Terdapat empat instrumen pembiayaan di MAINPP. Hal ini dinyatakan dalam petikan temu bual bersama Ust. Fakhruddin Bin Abd. Rahman iaitu “yang pertama, sumber atau hasil daripada wakaf sendiri; kedua, kerjasama dengan *private sector*; ketiga sumbangan orang ramai secara terus; keempat, sumber zakat.”⁸


Pihak MAINPP juga menjelaskan bahawa pembiayaan daripada kerajaan juga diterima, namun, ia tidak diperolehi secara tetap atau konsisten. Bagi pembiayaan tersebut, pihak MAINPP perlu mengemukakan permohonan dan bergantung kepada pihak kerajaan untuk meluluskan peruntukan bagi permohonan tersebut. Kaedah pengagihan wakaf diagihkan kepada 40 peratus kepada pelaksanaan amanah, 20 peratus pembangunan masa depan, 20 peratus bagi kos *mutawalli* dan 20 peratus bagi kos penyelengaraan harta-harta wakaf.⁹

8. Fakhruddin Bin Abd. Rahman, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dalam temu bual bersama penulis, 15 Jun 2015.

9. Ibid.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185


Rajah 5: Instrumen Pembiayaan Wakaf daripada sumbangan secara terus di MAINPP



Sumber: Ringkasan temu bual bersama MAINPP, 2015.

Instrumen ini merupakan instrumen yang diperolehi secara terus daripada penyumbang. Terdapat sesetengah negeri memperkenalkan wakaf tunai dengan menjual unit saham yang dipanggil saham wakaf untuk memudahkan orang ramai memberi sumbangan.

Rajah 6: Instrumen Pembiayaan Wakaf secara *Joint Venture* (*JV*)



Sumber: Ringkasan temu bual bersama MAINPP, 2015.


Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Bagi instrumen usahasama atau *Joint Venture (JV)*, ia dilaksanakan dalam bentuk kerjasama dengan syarikat pembangunan seperti Uda Holding atau institusi kewangan seperti Bank Islam, Bank Muamalat dan Bank Al-Rajhi. Instrumen ketiga adalah hasil wakaf yang melibatkan pembangunan wakaf di universiti berkenaan terlebih dahulu, kemudian hasil wakaf akan diperolehi jika pembangunan yang dibina adalah bangunan komersial yang boleh mendatangkan hasil. Instrumen keempat ialah penggunaan dana zakat untuk memperkasakan wakaf. Setiap negeri mempunyai fatwa yang berbeza-beza mengenai penggunaan dana ini. Terdapat negeri yang membenarkan dan terdapat juga negeri yang tidak membenarkan. Oleh itu, instrumen ini bergantung kepada MAIN bagi setiap negeri. Kelima ialah usahasama kerajaan bersama MAINPP. Instrumen ini merupakan instrumen yang bergantung kepada kelulusan kerajaan melalui permohonan kepada pihak JAWHAR untuk dilaksanakan.

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)


Berdasarkan instrumen wakaf yang terdapat di MAINJ, terdapat dua instrumen yang dapat dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi iaitu wakaf secara terus daripada masyarakat berdasarkan saham wakaf yang telah dilaksanakan di MAINJ seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 7, dan pelaksanaan wakaf secara usahasama daripada wakaf korporat yang dapat dilihat dalam Rajah 8.

Rajah 7: Instrumen Pembentukan Wakaf daripada sumbangan secara terus di MAINJ



Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Rajah 8: Potensi Instrumen Wakaf di Peringkat Pengajian Tinggi



Sumber Diadaptasi daripada Model WanCorp

Instrumen ini juga dapat dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi iaitu dengan melakukan pembangunan wakaf berdasarkan saham wakaf dan juga melalui usahasama dengan syarikat korporat, swasta dan kerajaan (GLC) sebagai *Corporate Sosial Responsibility* (CSR) untuk membantu IPT mengikut kesesuaian dan kemampuan syarikat tersebut.


Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS)

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah memberi kebenaran *mutawalli* kepada USIM. Berasaskan kerjasama tersebut, Pusat Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPPW) ditubuhkan bagi melaksanakan amalan wakaf berbentuk tunai iaitu Potongan Gaji Skim Wakaf Tunai atau Dana Wakaf Al-Abrar.¹⁰ Skim ini telah diperkenalkan untuk memudahkan semua kakitangan awam dan swasta untuk menunaikan ibadah wakaf.¹¹ Rajah di bawah menunjukkan instrumen pembiayaan wakaf di USIM.

10. Zaini Othman, “USIM perkenalkan potongan gaji skim wakaf tunai dana wakaf Al-Abrar,” *Berita Kampus*, 2 April 2015, 1.
11. Ibid.

Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Rajah 9: Instrumen Pembentukan Wakaf di USIM



Sumber: Diadaptasi daripada pelbagai sumber

Inisiatif yang diambil oleh PPPW ini adalah selari dengan usaha USIM untuk menerajui dan menggalakkan pembentukan pembangunan wakaf. Dana wakaf yang dikumpulkan ini akan digunakan untuk aktiviti dakwah, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, kesihatan, pembangunan pendidikan dan fasiliti kesihatan.¹² Kerjasama awal USIM-MAINS dalam memanfaatkan pembentukan dana wakaf adalah menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM dan Klinik Hemodialisis di Nilai Square, Bandar Baru Nilai.¹³ Klinik ini akan menawarkan perkhidmatan pakar perubatan, pergigian dan rawatan pesakit luar yang dikendalikan oleh Khidmat Profesional yang terdiri daripada doktor-doktor pakar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPG)

12. Pusat Pembangunan Pembentukan Wakaf, "Menerajui Pembentukan Wakaf dalam Institusi Pengajian Tinggi," Universiti Sains Islam Malaysia.(brosur).
13. Syazlyna Jamil, "USIM Meterai MOU bersama MAINS untuk membentuk Klinik Pakar dan Pusat Hemodialisis" *Berita Kampus*, 21 Januari 2015.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

USIM.¹⁴ Penubuhan tersebut, merupakan hasil kutipan dana Wakaf Al-Abrar dan sumbangan MAINS sebanyak RM1 juta berbentuk wakaf daripada MAINS dan RM1 juta lagi berbentuk pinjaman yang perlu dibuat pembayaran semula.¹⁵ Penubuhan klinik pakar perubatan antara MAINS dan USIM baru sahaja beroperasi pada bulan Mac 2015.¹⁶ Klinik tersebut terletak di luar kampus dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan.¹⁷

Institusi Wakaf Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Sebagai Suntikan Wakaf

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Kerajaan mengambil peranan penting dalam memajukan wakaf. Dalam usaha untuk membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) ditubuhkan pada 27 Mac 2004 di bawah Jabatan Perdana Menteri oleh Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri ketika itu semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.¹⁸ Antara tujuan penubuhan JAWHAR adalah bagi memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negeri lebih tersusun, sistematik dan berkesan.¹⁹

14. Ibid.

15. Alimazli Bin Mauludin, Eksekutif, Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), dalam temu bual dengan penulis, 15 Jun 2015.

16. Ibid.


17. Ibid.

18. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), “Sejarah JAWHAR,” laman sesawang JAWHAR, <http://www.jawhar.gov.my/profil-jabatan/mengenai-jawhar/sejarah-jawhar/>. (Dicapai 10 November 2015).

19. Ibid.

Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Rajah 10: Lima Fokus Utama JAWHAR



Sumber: Temubual JAWHAR

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, terdapat lima faktor utama dalam pembangunan wakaf di JAWHAR iaitu pendidikan, kesihatan, perumahan, ekonomi, kebajikan dan keagamaan.²⁰

JAWHAR juga berperanan membuat penyelarasan antara MAIN serta memberi penerangan kepada MAIN berkaitan perkembangan wakaf. Instrumen wakaf berpotensi dalam memberi pembiayaan pengajian tinggi dengan adanya sokongan dan kerjasama daripada JAWHAR yang mewakili badan kerajaan dalam mengadakan pembiayaan wakaf di peringkat pengajian tinggi. Perkembangan semasa berdasarkan temu bual yang melibatkan corak pendidikan antaranya yang telah mendapat kerjasama JAWHAR dan MAIN ialah Kompleks Maahad Al-Mansor di Balik Pulau, Pulau Pinang dan bangunan asrama pelajar di Besut, Terengganu.

20. Haji Zainal Bin Haji Mohd Yusoh, Penolong Akauntan Wakaf Bahagian Wakaf (JAWHAR), dalam temu bual bersama penulis, 10 Ogos 2015.


Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)

Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) ditubuhkan pada Julai 2008 di bawah JAWHAR. Objektif penubuhannya adalah untuk membangunkan dan memajukan harta-harta wakaf di seluruh negara melalui kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri masing-masing. Wakaf tidak dikesampingkan dalam agenda pembangunan ekonomi negara. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak dalam ucapan Belanjawan 2013 pada 28 September 2012 memberi tumpuan kepada wakaf korporat.²¹

YWM diberi tanggungjawab untuk merangka Pelan Induk wakaf korporat dengan mengambilkira struktur perundangan agama Islam negeri. Pelan induk tersebut bakal menjadi pemangkin pembangunan wakaf korporat di Malaysia. Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) yang merupakan syarikat subsidiari milik penuh YWM diamanahkan untuk menjadi pelaksana kepada Program Wakaf Korporat itu.²² Perdana Menteri berkata pada Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) Januari 2015, MEB meluluskan peruntukan RM50 juta kepada YWM sebagai dana permulaan bagi melaksanakan program wakaf korporat bagi tempoh pelaksanaan selama lima tahun bermula tahun 2015 hingga 2019.²³

-
21. YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, *Ucapan Bajet Tahun 2013*, Dewan Rakyat 28 September 2012.
 22. *Utusan Online*, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/najib-lancar-perbadanan-wakaf-nasional-1.1114259>. (Dicapai pada 11 November 2015).
 23. *MStar*, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/07/14/wakaf-nasional/>. (Dicapai pada 11 November 2015).

*Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih***Rajah 11:** Aliran Usahasama YWM dengan Sektor Lain

YWM ditubuhkan di bawah JAWHAR yang mempunyai peranan mengumpulkan dana wakaf yang melibatkan tunai. YWM juga mempunyai anak syarikat PWNB yang berfungsi untuk menjana hasil.²⁴

Jadual 4: Perbezaan di antara JAWHAR dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)

Bil.	JAWHAR	YWM
1	Tidak menerima hasil wakaf	Menerima hasil wakaf
2	Kerajaan	Bukan Kerajaan
3	Merangka dasar dan polisi kepada YWM	Melaksanakan dasar dan polisi JAWHAR

Sumber: Temu bual YWM & JAWHAR

Penubuhan YWM bukan untuk bersaing dengan MAIN bahkan untuk mengisi ruang-ruang yang kosong bagi membantu memajukan lagi pembentukan wakaf di negeri-

24. Mohd Bokhari Bin Mat Doa, Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf, Yayasan Wakaf Malaysia dalam temu bual bersama penulis, 12 Februari 2015.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

negeri seluruh Malaysia. Penubuhan YWM dapat membantu meningkatkan pendapatan MAIN seperti pembinaan hotel wakaf di Melaka. Pada asalnya tapak tersebut hanya digunakan untuk disewakan bagi meletakkan kenderaan yang hanya mendapat hasil pendapatan kepada MAIK sebanyak RM200–RM300 sebulan berbanding sekarang sebanyak hampir RM20,000 hasil diperolehi. Begitu juga, di Hotel Seri Warisan Taiping tapak asal hanya diberikan kepada kedai sewaan kecil-kecilan dengan nilai RM29 sebulan dan sekarang memperolehi hasil hampir RM10,000 setahun.²⁵ Daripada temu bual, YWM yang mewakili JAWHAR memainkan peranan dalam membantu meningkatkan pembangunan wakaf di negara ini.

Kebenaran *Mutawallī* kepada Universiti

Secara ringkasnya, berdasarkan analisis kajian lapangan yang telah dijalankan terdapat MAIN yang telah memberi kebenaran *mutawallī* kepada universiti seperti Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. Terdapat juga MAIN yang belum memberi kebenaran *mutawallī* kepada universiti seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Ringkasan pemberian *mutawallī* dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.

25. Ibid.

*Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih***Jadual 5:** Analisis temu bual bersama lima Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Negeri	Kebenaran Mengurus Wakaf (<i>Mutawalli</i>)
Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP)	√
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	√
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	√
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	x
Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)	û

Sumber: Temu bual bersama MAINPP, PWS, PWNS, MAIWP & MAINJ (2015).

Berdasarkan tinjauan penulis antara sebab MAIN belum memberi kebenaran *mutawalli* kepada universiti berkenaan adalah kerana MAIN tersebut telah memberikan bantuan zakat kepada pelajar pada peringkat pengajian tinggi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan temu bual penulis bersama Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang menyatakan bahawa pihak MAIWP telah memberi zakat sebagai biasiswa di peringkat pengajian tinggi melalui asnaf *fī sabīlillāh*.²⁶ Pihak MAINJ juga menyatakan perkara yang sama iaitu bantuan melalui dana zakat telah diberikan kepada pelajar di peringkat pengajian tinggi.²⁷

26. Mohd Azrul Ismail, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dalam temu bual bersama penulis, 19 Jun 2015.
27. Mustaphayuddin Hj. Abdul Khalim, Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), dalam temu bual bersama penulis, 16 Ogos 2015.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Tidak dapat dinafikan bahawa pihak MAIN juga mula memberi perhatian kepada pendidikan dalam pembangunan wakaf. Walaupun tumpuan bagi sesetengah MAIN belum diberikan keutamaan kepada pendidikan di peringkat tertiar. Di antara senarai universiti yang telah mendapat kebenaran *mutawalli* adalah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Universiti Sains Malaysia (USM) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Manakala, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) belum memberikan kebenaran *mutawalli* kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga belum memberi kebenaran *mutawalli* kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) cawangan Kuala Lumpur dan universiti di sekitarnya.

Analisis Instrumen Pembiayaan Berbentuk Kewangan Dan Pembangunan Aset Kepada Universiti

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, instrumen wakaf mempunyai potensi pembiayaan pengajian tinggi yang dapat dikategorikan kepada instrumen pembiayaan berbentuk kewangan dan pembangunan/aset.

Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Jadual 6: Pembentukan universiti berbentuk kewangan dan pembangunan/aset

Instrumen	Kewangan kepada Universiti	Pembangunan/aset kepada Universiti
Usahasama syarikat swasta/korporat	√	√
Sumbangan wakaf secara terus	x	√
Dana Zakat	√	√
Hasil Wakaf	√	√
Usahasama dengan kerajaan (JAWHAR)	x	√

Sumber: Analisis temu bual MAINPP, MAIS, MAINS, MAINJ, PWS dan PWNS, 2015.

Berdasarkan Jadual 6, terdapat lima instrumen pembentukan yang berpotensi pada peringkat pengajian tinggi. Kelima-lima instrumen pembentukan tersebut, berpotensi bagi pembentukan berbentuk kewangan dan pembangunan berbentuk aset tetap kepada universiti. Bagi universiti yang telah lama ditubuhkan, keperluan lebih cenderung berbentuk kewangan manakala bagi universiti yang masih baharu pembentukan yang diperlukan berbentuk pembangunan aset tetap yang perlu dibina dalam universiti.

Analisis Cadangan Pelaksanaan Wakaf Di Institusi Pengajian Tinggi

Kerjasama Strategik atau Joint Venture (JV) dengan Institusi yang lain

Dalam usaha transformasi instrumen wakaf di negara ini, usahasama dalam pembangunan wakaf di Malaysia perlu

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

dilakukan bagi memajukan aset-aset wakaf. Sinergi di antara MAIN dengan institusi kewangan Islam serta agensi-agensi yang lain amat diperlukan. Kejayaan pembangunan projek-projek wakaf seperti Menara Imarah Wakaf/Menara Bank Islam dan Taman Wakaf Seetee Aisyah jelas menunjukkan kejayaan dan keperluan MAIN bekerjasama dengan Tabung Haji, TH properties, UDA Land (North) Sdn. Bhd, Bank Islam dan Al-Rajhi Bank. Kolaborasi dan perkongsian pintar tersebut, memerlukan keterbukaan dan kesediaan untuk menerima lontaran idea serta kemauan yang tinggi untuk merealisasikan projek secara terancang dan profesional. Misalnya, melantik institusi profesional seperti *Maybank Asset Management* untuk melaksanakan pelaburan ke atas aset-aset wakaf secara dinamik.²⁸

Strategi ini perlu diperluaskan kerana pembiayaan wakaf di peringkat pengajian tinggi mempunyai masalah dana dalam memberi pembiayaan kepada universiti dan pelajar. Senep Ahmad dan Nur Diyana Muhammed²⁹ menyatakan sistem pengurusan yang kurang cekap berlaku kerana kekurangan dana yang menyebabkan banyak harta wakaf khususnya tanah terbiar dan tidak dimanfaatkan. Masalah kekurangan dana ini telah cuba diatasi dengan mewujudkan dana wakaf daripada wakaf tunai. Namun begitu, kewujudan dana wakaf tersebut sebenarnya masih tidak mencukupi untuk menampung kelangsungan pembangunan wakaf mengakibatkan wakaf tidak berperanan dalam pembangunan negara sepenuhnya.

Oleh itu, kolaborasi dan kerjasama strategik wajar dicontohi oleh pihak universiti bagi pembangunan wakaf di peringkat universiti berbentuk aset seperti pembinaan

-
28. Aznan Hasan dan Syahnaz Sulaiman, “Transformasi Pengurusan dan Pembangunan wakaf yang Dinamik di Malaysia” (Kertas kerja Persidangan Wakaf), Peringkat Kebangsaan, Yayasan Waqaf Malaysia, Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perdana, Putrajaya, 2–3 Disember 2015), 16–17.
 29. Sanep Ahmad dan Nur Diyana Muhammed, “Wakaf dalam agenda pembangunan ekonomi negara di Malaysia,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 5, no.1 (2011): 69.

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

bangunan asrama, hotel dalam universiti, blok pentadbiran dan kemudahan-kemudahan lain yang dikira sesuai. Selain itu, terdapat kolaborasi dan kerjasama strategik lain yang telah di jalankan di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) iaitu Wakaf Selangor Muamalat (WSM) kerjasama di antara Bank Muamalat dan PWS yang diberikan tumpuan kepada pendidikan, kesihatan dan pelaburan.³⁰ Manakala, di MAIWP terdapat kerjasama di antara *Maybank Islamic* dalam memberi tumpuan kepada pembiayaan pendidikan.³¹

Memperkasakan Wakaf Korporat melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Wakaf korporat mempunyai potensi amat besar dalam melaksanakan instrumen wakaf di peringkat pengajian tinggi. Berdasarkan kajian lapangan yang telah dilakukan, Wakaf Annur Corporation (WANCorp) telah mewakili Johor Corporation (JCorp) yang telah mewakafkan syernya bagi menjayakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berteraskan ajaran Islam “CSR Islam”.³² Di peringkat pengajian tinggi, pihak universiti boleh memperkasakan wakaf korporat melalui alumni-alumni universiti yang telah berjaya dalam perniagaan sebagai syarikat korporat di bawah kerajaan, swasta atau milik persendirian untuk sama-sama menghayati sedekah jariah melalui amalan berwakaf dengan kembali memberi sumbangan kepada universiti untuk melahirkan modal insan yang boleh memberi sumbangan kepada negara. Penyaluran CSR di universiti-universiti adalah dengan mengajak alumni

30. Wakaf Selangor Muamalat, “Wakaf,” laman sesawang Bank Muamalat, <http://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/Wakaf-Selangor-Muamalat-presentation-slides.pdf>. (Dicapai pada 21 November 2015).
31. Mohd Azrul Ismail, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dalam temu bual bersama penulis, 19 Jun 2015.
32. Waqaf An-Nur Corporation Berhad, *Laporan Tahunan 2013* (Johor: Waqaf An-Nur Corporation Berhad, 2014), 9–10.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

universiti yang telah berjaya kembali berbakti dan kembali semula kepada universiti di mana tempat alumni tersebut menuntut ilmu pada suatu ketika dahulu.

Penyelarasan Bidang Kuasa antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Dalam pembangunan wakaf di peringkat pengajian tinggi, MAIN memainkan peranan penting sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di negara ini. Oleh itu, perlunya penyelarasan undang-undang yang melibatkan bidang kuasa antara MAIN dan IPT supaya instrumen wakaf dapat diperkasakan di peringkat pengajian tinggi. Hisham Yaacob³³ menyatakan wakaf di Malaysia ditadbir oleh negeri-negeri dan setiap negeri mempunyai peraturan sendiri. Kesannya menyebabkan terdapat beberapa perbezaan antara enakmen negeri bagi setiap negeri. Zuraidah Mohamed Isa, Norhidayah Ali & Rabitah Harun,³⁴ dalam kajiannya mencadangkan keseragaman pengurusan wakaf di seluruh Malaysia.

Oleh itu, langkah penyelarasan bidang kuasa di antara MAIN dan IPT perlu dilakukan agar tiada percanggahan bidang kuasa dalam pelaksanaan wakaf di peringkat pengajian tinggi dan pendanaan wakaf di peringkat pengajian tinggi dapat dilakukan. Selain itu, manfaat wakaf juga dapat diagih mengikut persefahaman *Memorandum of Understanding* (MOU) atau *Memorandum of Agreement* (MOA) yang telah dipersetujui di antara pihak universiti dan MAIN dapat diperkasakan. Demikian itu, langkah ini penting agar pertindihan bidang kuasa tidak berlaku di masa hadapan. Bagi pelaksanaan wakaf dapat dilakukan dengan kawalan undang-undang yang lebih

-
33. Hisham Yaacob, “Waqf History and Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective,” *Journal of Islamic and Human Advanced Research* 3, issue 6 (2013): 399.
 34. Zuraidah Mohamed Isa, Norhidayah Ali & Rabitah Harun, “A Comparative Study of Waqf Management in Malaysia,” *International Conference on Sociality and Economics Development* 10, (2011): 563–564.

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

teratur serta mampu direalisasikan secara realistik agar harta wakaf dapat dimaksimumkan penggunaannya dan tidak menjadi aset yang terbiar.³⁵

Kekangan Fatwa untuk menggunakan dana zakat untuk membangunkan wakaf

Kini, negara kita mempunyai masyarakat yang mempunyai kesedaran di tahap yang memuaskan dalam amalan zakat. Terdapat peningkatan kutipan zakat dari tahun ke tahun atas usaha gigih daripada pelbagai pihak terutama pihak MAIN sendiri dalam melakukan transformasi kutipan zakat dengan penubuhan perbadanan dan langkah-langkah lain dalam mempergiatkan kutipan zakat. Demikian itu, terdapat pelajar yang mendapat tawaran di peringkat pengajian tinggi memperolehi bantuan zakat daripada MAIN melalui agihan bahagian *fi sabīlillāh*.

Berdasarkan temu bual penulis bersama pegawai di bahagian wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dana zakat digunakan untuk pembinaan bangunan komersial di MAINPP. Penggunaan dana tersebut kerana MAINPP mempunyai tanah wakaf, akan tetapi tiada dana untuk membangunkan tanah wakaf. Oleh itu, tanah wakaf yang terbiar dibangunkan dengan menggunakan dana zakat bagi membina bangunan berbentuk komersial bagi membolehkan pihak MAIN memperolehi hasil secara berterusan dan tidak menjadi tanah terbiar. Oleh itu, berdasarkan pengalaman di MAINPP penggunaan dana zakat digunakan untuk pembangunan tanah wakaf adalah dibenarkan berdasarkan fatwa di negeri tersebut. Namun begitu, penggunaan dana tersebut masih terikat dengan majlis fatwa di negeri masing-masing.

35. Hydzulkifli Hashim Omar dan Asmak Ab. Rahman, “Aplikasi Sukuk dalam usaha melestarikan aset wakaf: Pengalaman pemegang amanah wakaf terpilih,” *Jurnal Syariah* 21, no.2 (2013): 99.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Di peringkat pengajian tinggi, dana zakat diberikan berbentuk biasiswa kepada pelajar yang layak dan mendapat tawaran memasuki universiti berbentuk bantuan permulaan ke universiti dan terdapat juga MAIN yang memberi bantuan kewangan secara bulanan. Dari sudut pembangunan juga, zakat mempunyai potensi untuk membantu aspek dana dalam bentuk pembinaan bangunan seperti yang telah dilakukan di MAİNPP. Oleh itu, dana zakat merupakan sumber pembiayaan dan pembangunan yang melengkapi wakaf sama ada pembiayaan berbentuk kewangan kepada pelajar mahupun dalam bentuk pembangunan aset di peringkat tertiar.

*Pengurusan Wakaf (*Mutawallī*) perlu mempunyai Kepakaran Ikhtisas*

Pengurusan wakaf (*mutawallī*) di peringkat pengajian tinggi perlu mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang pengurusan, pelaburan, pembangunan harta wakaf dan juga kemahiran syariah dalam mencapai kemajuan dalam pembangunan wakaf. Pengurusan wakaf perlu mengambil kira kelima-lima maqasid syariah iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Oleh itu, pemakaian prinsip *darūriyyāt* dan *hājīyyāt* harus diaplikasikan secara bijaksana dan berhati-hati bagi memastikan pelaksanaan sesuatu pembangunan harta wakaf adalah selaras dengan ketetapan syarak.³⁶

Muhammad Anas Zarqa,³⁷ menyatakan dalam prinsip-prinsip syariah terdapat dua teras utama yang perlu dijadikan panduan bagi pelaburan wakaf iaitu berkekalan dan objektifnya. Pelaburan juga, sepatutnya bertujuan untuk menjana pulangan maksimum bagi aset wakaf yang dilabur tanpa menjelaskan aset pelaburan dan prinsip syariah yang

-
36. Syahnaz Sulaiman, “Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak,” *Jurnal Muamalat* 1 (2008): 60.
 37. Muhammad Anas Zarqa, “Financing and Investment in Awqaf Projects: A non-Technical Introduction,” (Center for Research in Islamic Economics, King Abdulaziz University, Jeddah, Saudi Arabia, (t.t)).

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

teguh. Abdul Hamid Mar Iman dan Mohammad Tahir Sabit Mohammad³⁸ menyatakan konsep semasa seperti yang difahami oleh para ahli fiqah tidak cukup menyeluruh untuk merangkumi semua aspek wakaf pada masa kini. Oleh itu, penjanaan wakaf di peringkat pengajian tinggi dapat dilakukan dengan kepakaran pengurusan wakaf yang mempunyai kemahiran ikhtisas yang tinggi.

Hal ini, secara tidak langsung dapat meraih keyakinan MAIN dan kepercayaan masyarakat agar dapat melihat kepentingan wakaf dalam pembiayaan di peringkat pengajian tinggi. Dalam konteks pembangunan harta wakaf, sekiranya pemegang amanah harta wakaf tidak mempunyai keupayaan untuk membangunkan tanah wakaf dari segi pelaburan dan kewangan, usaha yang wajar dilakukan ialah dengan cara membuat pembiayaan pelaburan dan kewangan dengan merujuk kepada pakar dalam bidang masing-masing. Terdapat pelbagai kaedah pelaburan yang boleh dilakukan oleh pemegang amanah wakaf sama ada berupa perkongsian atau penggunaan instrumen-instrumen pembiayaan Islam lain yang sesuai dengan memperolehi sumber dana pembiayaan yang mencukupi daripada institusi kewangan seperti Bank Islam, Bank Muamalat, Tabung Haji. Oleh itu, pemegang amanah wakaf dapat membangunkan harta wakaf yang tidak produktif kepada harta yang lebih produktif untuk manfaat orang ramai terutamanya di kalangan pelajar dan keperluan universiti.³⁹

Kefahaman, Kesedaran dan Sokongan Masyarakat

MAIN telah menawarkan konsep wakaf tunai bagi memudahkan orang ramai berwakaf. Namun, terdapat masyarakat yang kurang memahami amalan berwakaf

38. Abdul Hamid Mar Iman dan Mohammad Tahir Sabit Mohammad, *Waaf Property Concept, Management, Development and Financing* (Johor: Penerbit UTM Press Universiti Teknologi Malaysia, 2014), 56.
39. Ibid.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

berbentuk tunai kerana terikat dengan amalan dan budaya wakaf yang sebelum ini yang berbentuk wakaf harta tetap seperti tanah dan bangunan. Oleh itu, pembiayaan wakaf di peringkat pengajian tinggi memerlukan kefahaman dan kesedaran masyarakat. Jika tidak, pembiayaan wakaf sukar untuk dilaksanakan tanpa kefahaman, kesedaran dan sokongan orang ramai berkaitan wakaf. Dalam kajian Hasnol Zam Zam Ahmad,⁴⁰ dinyatakan bahawa masalah pembangunan harta wakaf dalam kalangan umat Islam ialah persepsi bahawa pewakafan hanyalah untuk tujuan surau, masjid atau tanah perkuburan sahaja.

Mohd Saharudin, Mohd Saifol Zamzuri Noor dan Jamal Ali⁴¹ juga menyatakan perkara yang sama dalam pembangunan harta wakaf yang dibincangkan ialah masalah dalam penafsiran penggunaan wakaf. Sebagai contoh, hampir semua harta wakaf digunakan untuk mendirikan masjid dan ini berpunca dari fahaman konsep penggunaan wakaf untuk ibadah khusus yang berbentuk fardu ain semata-mata, sedangkan penggunaannya adalah lebih luas merangkumi ibadah fardu ain dan fardu kifayah. Oleh itu, penerapan berbentuk kefahaman kepada masyarakat perlu dititikberatkan agar lahirnya masyarakat yang mempunyai kefahaman, kesedaran dan sokongan terhadap kepentingan amalan wakaf terutama untuk dimanfaatkan di peringkat pengajian tinggi sama ada keperluan pelajar mahupun pihak universiti.

Mempelbaikan Instrumen Pembiayaan dan Pendanaan

Kaedah pembiayaan pembangunan harta wakaf menggunakan sukuk telah diusahakan di negara Arab Saudi

-
40. Hasnol Zam Zam Ahmad, “Cabaran dalam mempertingkatkan potensi perkembangan tanah wakaf,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no.1 (2007): 3.
 41. Mohd Saharudin, Mohd Saifol Zamzuri Noor dan Jamal Ali, “Tinjauan isu-isu yang membataskan penggunaan wakaf dalam pembangunan ekonomi ummah di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 11, no. 2 (2003): 75.

Pembiayaan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

dengan pembinaan Menara Zamzam dengan menggunakan kaedah *sukūk al-intifā'* dan juga di Singapura dan *sukūk al-mushārakah* dengan pembinaan masjid Bencoolen Street.⁴² Institusi wakaf boleh melakukan pelbagai instrumen antaranya ialah instrumen berdasarkan hutang, instrumen berdasarkan ekuiti, instrumen kewangan diri dan instrumen sekuriti Islam.⁴³ Di antara projek pendanaan yang dapat dilakukan *Private Equity*, *Crowdfunding*, Sukuk, REITs.⁴⁴ Aplikasi sukuk dalam pembangunan aset wakaf di Malaysia adalah kurang menggalakkan walaupun trend perkembangan sukuk di Malaysia agak memberangsangkan.⁴⁵

Kenyataan aplikasi sukuk yang kurang menggalakkan ini disokong oleh tiga fakta. Pertama, pembangunan aset wakaf di Malaysia kebanyakannya dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui RMK-8 dan RMK-9. Kedua, hanya beberapa projek pembangunan harta wakaf sahaja yang sesuai dibiayai oleh instrumen sukuk. Perkara ini jelas dan ketara kerana pemaju aset wakaf adalah sangat kurang, maka peluang sukuk diaplikasikan juga terbatas. Ketiga, MAIN kurang didedahkan tentang peranan dan keupayaan sukuk untuk berfungsi sebagai salah satu alternatif sumber pembiayaan kontemporari pembangunan aset wakaf.⁴⁶ Oleh itu, instrumen sukuk masih belum diterokai sepenuhnya oleh pihak MAIN dalam pembiayaan wakaf di negara ini.

42. Islamic Capital Market, *Waaf Asset: Development, Governance and the Role of Islamic Capital Market* (Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia, 2014), 35–39.
43. Zulkifli Hasan and Muhammad Najib Abdullah, “The investment of waqf land as an instrument of Muslims’ economic development in Malaysia,” (Dubai International Conference for Endowment’s Investments, 4–6 Februari 2008), 22.
44. Aznan Hasan dan Syahnaz Sulaiman, “Transformasi Pengurusan,” 16.
45. Mohamad Salleh Abdullah, “Aplikasi sukuk sebagai sumber pembiayaan kontemporari pembangunan aset wakaf. Kes Malaysia,” *Jurnal Politik Pembangunan Islam* 1, no.1 (2011): 50.
46. Ibid.

Asiah Kamal & Azizi Che Seman / TAFHIM 10 (2017): 151–185

Selain itu, terdapat pendanaan wakaf melalui penubuhan projek sasaran iaitu projek utama dalam wakaf yang memerlukan aliran pendapatan berterusan untuk menanggung perbelanjaan operasi. Pembiayaan tersebut memerlukan projek sekunder untuk menghasilkan aliran pendapatan yang tetap. Sebagai contoh, sebuah hospital merupakan projek utama. Dalam usaha untuk membiayai perbelanjaan hospital, beberapa projek sekunder seperti kompleks membeli-belah boleh menghasilkan tunai secara terancang. Pendapatan yang dijana daripada projek sekunder kemudian akan digunakan untuk membiayai operasi projek utama.⁴⁷ Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa menyatakan bahawa penjanaan sumber tidak hanya terhad kepada kaedah tradisi. Bagi membiayai pembangunan harta bagi instrumen pendidikan, pihak pengurusan boleh menggunakan instrumen-instrumen pasaran modal dan wang. Ini bererti bahawa akan terdapat pelbagai projek pembangunan wakaf yang bersifat penjanaan hasil apabila sebahagian pulangan akan digunakan bagi membiayai kos projek dan sebahagiannya untuk tujuan perkembangan wakaf.⁴⁸

Kesimpulan

Pelaksanaan pembiayaan pengajian tinggi menggunakan instrumen wakaf di nanti-nanti oleh pelbagai pihak. Hal ini kerana terdapat pengurangan peruntukan oleh kerajaan bagi sektor pendidikan pada tahun 2016, sedang negara masih memerlukan tenaga mahir dalam pembangunan negara. Oleh itu, langkah dan kerangka bagi merealisasikan instrumen wakaf di peringkat pengajian tinggi perlu digembbleng oleh semua pihak termasuk pihak kerajaan dalam pembangunan wakaf di peringkat pengajian tinggi di negara ini.

47. Rininta Nurraechmi, “The Implication of Cash Waqf in the Society” (International Islamic University Malaysia, Munich Personal RePEc Archive (MPRA) Paper No.44605, 2013), 3.
48. Syed Mohd. Ghazali Wafa Bin Syed Adwam Wafa, “Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia,” (Bangi: The 7th International Conference—The Tawhidic Epistemology, Zakat and Waqf Economy, 2010), 141.

Pembentukan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Terpilih

Dalam keadaan kegawatan ekonomi negara, semua pihak yang berkaitan sama ada MAIN, IPT, pemaju dan pembentukan hendaklah bersatu hati dan mempunyai matlamat yang selari dan jelas dengan meletakkan prioriti untuk membangunkan harta wakaf yang kurang produktif kepada wakaf produktif di seluruh Malaysia bagi menghasilkan impak dinamik demi kemaslahatan ummah. Sinergi yang lebih akrab melibatkan kerjasama pintar dan strategik antara MAIN, JAWHAR, YWM, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sektor korporat dalam agenda pembangunan wakaf wajar diperkuat selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *the National Blue Ocean Strategy (NBOS)*.⁴⁹

Oleh itu berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pembentukan di peringkat pengajian tinggi dapat dipenuhi berdasarkan instrumen pembentukan yang sedia ada MAIN. Justeru itu, instrumen di MAIN lebih praktikal untuk diaplikasikan di peringkat pengajian tinggi, memandangkan kebenaran *mutawalli* perlu diperolehi daripada MAIN terlebih dahulu. Tambahan dari itu, terdapat sokongan dan inisiatif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan melalui JAWHAR dan juga YWM sebagai suntikan wakaf mampu merancakkan lagi wakaf di negara ini.

Penghargaan

Artikel ini merupakan output penyelidikan di bawah Geran LRGS bertajuk “*Concepts & Principles Of Financing, Investment & Development Of Higher Education Institutions Using Waqf Instrument*” (LR001B-2013B) dan “Konsep Dan Prinsip Pembentukan Pengajian Tinggi Menggunakan Instrumen Wakaf” (PG113-2014B). Penyelidik merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Malaya kerana telah memberi peruntukan dana bagi membentuk projek penyelidikan ini.

49. Aznan Hasan dan Syahnaz Sulaiman, “Transformasi Pengurusan,” 16.